

Calon kalah Naib Presiden tidak perlu letak jawatan — PM

Oleh MARZUKI YUSOF
dan ROZILAN SALLEH

KUALA LUMPUR 1 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, UMNO tidak akan mewujudkan peraturan supaya ahlinya yang menyandang jawatan dalam Kabinet meletakkan jawatan, jika kalah dalam pemilihan Naib Presiden parti.

Sambil menegaskan peraturan seumpama itu tidak ada dalam Perlembagaan UMNO, Abdullah yang juga Pemangku Presiden parti berkata: "Yang jelas UMNO tidak akan menjadikannya sebagai peraturan. Itu cadangan Shahrir (Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Shahrir Abdul Samad)."

2/06/04 UM
Abdullah bagaimanapun menasihatkan mana-mana pemimpin yang mahu bertanding merebut sesuatu jawatan agar mengukur diri sendiri sama ada layak ataupun sebaliknya.

● Komen dua Naib Presiden — Muka 3

"Bagi saya, terserah kepada sesiapa yang hendak bertanding tetapi mereka kena ukur diri sendiri," katanya pada sidang akhbar selepas mempeperusikan Mesyuarat MT UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra malam ini.

Terdahulu, beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) mempengerusi mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di tempat yang sama.

Abdullah diminta mengulas cadangan Shahrir yang juga Pengerusi Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan, supaya calon UMNO yang kalah pada perebutan jawatan Naib Presiden perlu bersedia meletakkan jawatan bagi mengurangkan suasana 'zon selesa'.

Menurut Shahrir, suasana selesa yang ada di dalam parti menyebabkan ramai ahli yang berjawatan menteri secara bebas melahirkan hasrat bertanding jawatan tersebut.

"Orang yang ada jawatan berada dalam *comfort zone* (zon selesa) kerana jika kalah pun, mereka masih ada jawatan dalam Kabinet," katanya.

Abdullah ketika ditanya sama ada perkara itu turut

dibincangkan pada mesyuarat MT, berkata, ia tidak disentuh.

Mengenai kenyataan Ketua Penaja Bahagian UMNO Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah bahawa UMNO bahagian-bahagian masih boleh mencalonkan sesiapa yang mereka kehendaki bagi merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden, Abdullah berkata, UMNO sememangnya tidak mempunyai hak untuk menghalang mana-mana bahagian daripada mencalonkan sesiapa juga bagi dua jawatan itu.

"Kita tidak dapat menghalang itu adalah hak mereka tetapi MT juga ada hak untuk beri pandangan," jelas beliau.

■ Lihat muka 4